

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua**

**Sidang Akademik 1997/98**

**Februari 1998**

**HSI 242 Sejarah Asia Barat**

**Masa : [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM SATU [1] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

1. Apakah perbezaan antara jahiliyyah dengan Islam dan bincangkan mengapa orang Musyrikin Makkah menentang seruan Rasulullah s.a.w.?
2. Bincangkan soal perang dan damai dalam konteks Perjanjian Hudaibiyah.
3. Bincangkan program pembangunan Umar 1 dan ulaskan mengapa zaman pemerintahan beliau dianggap sebagai zaman kemajuan dan keadilan.
4. Kenapa al-Hajjaj menjadi begitu kontroversi, sedangkan beliau telah melaksanakan pembangunan dan memperkukuhkan Kerajaan Bani Umaiyyah?
5. Nilaikan secara kritis tentang kemajuan ilmu pengetahuan dan institusi-institusi pendidikan yang berkaitan dengannya pada zaman keagungan Daulah 'Abbasiyyah.
6. Sejauh manakah kebangkitan Dinasti Saljuq yang berketurunan Turki boleh dikatakan sebagai membawa tenaga baru ke dalam Dunia Islam?
7. Bincangkan sumbangan keluarga Barmaki terhadap kemajuan masyarakat Islam dan nyatakan kenapa keluarga itu akhirnya dihapuskan pengaruhnya oleh Harun al-Rashid.
8. Salahuddin Al-Ayyubi telah terkenal di Timur mahupun Barat berhubung dengan peranannya dalam Perang Salib. Mengapa?

--oo000oo--

